

24/01/2001

Pemuda diminta hayati harapan presiden

KOTA BHARU, Selasa - Semua ahli Pergerakan Pemuda Umno perlu menghayati harapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu memastikan kepemimpinannya beralih kepada generasi muda berwibawa dan cekap.

Sehubungan itu, pergerakan itu selaku sayap kanan Umno dan bakal menerajui kepemimpinan negara perlu menunjukkan kemampuan berkhidmat kepada parti, agama, bangsa dan negara.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan, Zahari Kechik berkata, bagi menzahirkan hasrat Dr Mahathir itu, Pemuda harus melaksanakan anjakan paradigma yang selari dengan perkembangan semasa, terutama dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Oleh itu, katanya, Pemuda Umno perlu melangkah dengan setiap tindakan dan keputusan manakala pelaksanaannya wajar berpaksikan kematangan dan kewibawaan pergerakan itu.

"Inilah sebenarnya hasrat yang tersirat perlu diterjemah dan menjadi harapan Perdana Menteri.

"Ketika Pemuda Umno pernah dilihat agak lemah menangani sesuatu isu termasuk hak keistimewaan Melayu yang dibangkitkan Suqiu, pendekatan berbincang yang dipilih menyerlahkan kematangan pergerakan itu menenangkan keadaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa Umno akan memastikan kepemimpinannya beralih kepada generasi muda yang berwibawa dan cekap supaya perjuangan parti dapat diteruskan dengan berjaya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin sedia ada perlu digantikan dengan generasi muda berwibawa supaya perjuangan Umno menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 dapat diteruskan, justeru sokongan generasi muda amat diharapkan.

Sehubungan itu, Zahari berkata, ahli Pemuda Umno di negeri ini harus menunjukkan komitmen besar kepada parti dan membuktikan kewibawaan masing-masing seperti diharapkan Perdana Menteri.

"Bagi menzahirkan harapan itu, Pemuda perlu mengukuhkan semangat perpaduan dan bergerak dalam satu pasukan dan saling menanam sikap saling mempercayai satu sama lain.

"Kita juga akur dengan pandangan Dr Mahathir bahawa jasa generasi lama tidak wajar dilupakan dan sememangnya golongan muda dan lama perlu saling berganding bahu.

"Ini kerana orang lama banyak memberi sumbangan kepada parti dan mempunyai pengalaman luas, jadi golongan muda harus menimba ilmu daripada mereka," katanya.

(END)